

28/12/1998

Perbicaraan Anwar bermula November

SABAN hari berlaku peristiwa yang menjadi kenangan peribadi, sejarah negara, pengalaman pahit mahupun manis sesebuah bangsa. Ia berlaku dalam pelbagai keadaan dan sesetengahnya di luar jangkaan. Berita Harian menyorot sebahagian daripada peristiwa pahit manis untuk sepanjang 1998.

Menjelang akhir tahun, fenomena La Nina menjadi topik perbualan hangat masyarakat negara ini. Kehadirannya selepas fenomena El Nino yang menyebabkan kemarau panjang di negara ini serta negara rantau Asia Pasifik lain pada 1997 sehingga pertengahan tahun 1998, turut dikhuatiri kerana beberapa kesan La Nina begitu ketara di China, Filipina dan negara Amerika Latin.

Di Malaysia, ombak besar, hujan lebat dan banjir yang dikaitkan dengan La Nina lebih ketara di utara Semenanjung.

Air laut yang pasang luar biasa begitu ketara kesannya di sepanjang pesisiran Pantai Barat termasuk di Kuala Sanglang, Perlis pada 1 November 1998. Air pasang menenggelamkan beberapa perkampungan di negeri itu selain menyebabkan hakisan pantai.

Di Kuala Lumpur pada 2 November 1998, Datuk Seri Anwar Ibrahim dihadapkan menghadapi perbicaraan di Mahkamah Tinggi atas empat tuduhan rasuah.

Pada 8 November pula, Litar Antarabangsa Sepang bernilai RM286 juta, dibuka kepada umum buat pertama kalinya pada Hari Keluarga Malaysia Airports Berhad (MAB). Litar 5.6 kilometer itu adalah persiapan Malaysia untuk menjadi satu daripada gelanggang siri perlumbaan Formula 1 Dunia.

Litar itu yang disahkan sebagai bertaraf dunia dengan 16 selekoh dan lima lorong memotong direka khas untuk menguji kepakaran pemandu.

Sehingga 11 November, persiapan masih rancak dijalankan di sekitar ibu negara apabila Malaysia menjadi tuan rumah kepada 3,300 pemimpin dan pegawai kanan dari 21 negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada 14 hingga 18 November.

Persidangan itu membabitkan 1,500 tokoh korporat dan ahli perniagaan serta pempamer, 2,000 anggota dan kakitangan penasihat Apec serta 3,000 wartawan dan kakitangan penyiaran.

Pada malam 12 November 1998, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan dua model baru Proton Perdana V6 dan Proton Satria GTi di Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Pelancaran model baru itu menambahkan lagi koleksi kenderaan yang dihasilkan dalam industri automobil negara.

Sejarah turut dicatatkan di persada seni negara apabila pada 15 November 1998, penyanyi, Siti Nurhaliza mengekalkan gelaran Artis Paling Popular dan Penyanyi Wanita Popular dalam Anugerah Skrin dan Bintang Popular 1997/1998, yang berlangsung di Kota Francais, Shah Alam.

Siti Nurhaliza menerima sebuah trofi dan wang tunai RM2,000 bagi Anugerah Penyanyi Wanita Popular dan trofi serta RM3,000 bagi gelaran Artis Paling Popular.

(END)